

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN LIM KIT SIANG  
[GELANG PATAH]**

**TARIKH : 30 OKTOBER 2017**

**SOALAN :**

**YB Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah] minta PERDANA MENTERI menyatakan mengapa Kerajaan tidak bercadang untuk menurunkan umur layak mengundi dari 21 tahun ke 18 tahun di Malaysia.**

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Perkara 119, Perlembagaan Persekutuan menyatakan bahawa mana-mana warganegara Malaysia yang telah mencapai umur 21 tahun dan tidak hilang kelayakan sebagai pemilih boleh memohon untuk didaftarkan sebagai pemilih bagi suatu bahagian pilihan raya dan membolehkannya mengundi dalam sesuatu Pilihan Raya Umum atau Pilihan Raya Umum Kecil.

Oleh yang demikian, cadangan untuk menurunkan umur layak mengundi kepada 18 tahun adalah bertentangan dengan peruntukan undang-undang di bawah Perlembagaan Persekutuan buat masa ini. Sekiranya cadangan tersebut hendak dilaksanakan, ia memerlukan kajian lanjut dan mendalam sebelum sebarang pindaan dibuat pada peruntukan undang-undang sedia ada.

Sekian, terima kasih.